

PMB berpotensi dibangunkan jadi Loji Penapisan Minyak negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mac. - Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, di sesi Perbahasan Umum Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Keenam Majlis Mesyuarat Negara mempersoalkan mengenai dengan projek mega yang pernah hangat dibincangkan ketika dulu iaitu projek Pulau Muara Besar



AHLI Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas ketika di sesi Perbahasan Umum.

(PMB) di mana diharapkan akan dapat menarik pelabur dari luar negara, di samping dapat memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat Brunei.

Menurut Yang Berhormat, projek PMB yang dirancang oleh kerajaan itu juga diharuskan bagi menampung atau menambah pendapatan negara agar tidak hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas sahaja.

Bagi tujuan itu jelas Yang Berhormat Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) telah melantik konsortium dari Singapura iaitu Sabana bagi menjalankan kajian plan induk PMB yang dibuat pada bulan Oktober tahun 2008.

Di perbahasan itu Yang Berhormat ingin mengetahui status plan induk pembangunan PMB dan adakah dapat diwujudkan sebagaimana yang diran-

Laporan : Zabaidah Haji Salat

cang, kerana menurut Yang Berhormat, sebuah syarikat tempatan bernama Petro Bru dengan inisiatif sendiri telah menjalankan kajian terperinci mengenai usul membangunkan Loji Penapisan Minyak di negara ini.

Menurut kajian Petro Bru bersama khidmat perunding minyak yang terkemuka di dunia dan dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan juga BEDB bahawa Brunei dan PMB berpotensi untuk dibangunkan menjadi Loji Penapisan Minyak.

Hasil kajian yang telah dikemukakan kepada kerajaan melalui majlis yang diselenggarakan BEDB itu menurut Yang Berhormat, mempunyai kelebihan-kelebihan yang tertentu, antaranya sebagai pemangkin pema-

ngunan ekonomi negara, sebagaimana yang pernah ditahapkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menggalakkan sektor swasta di negara ini memainkan peranan dalam sama-sama membangun ekonomi negara.

Di samping itu ianya akan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara di negara ini, di mana dianggarkan boleh menampung kira-kira 2000 peluang pekerjaan dan seterusnya menarik pelaburan asing terus melalui usaha sama, khususnya pembangunan projek-projek loji penapisan minyak itu nanti. Dan seterusnya mempercepatkan pertumbuhan tenaga insan melalui teknologi transfer bagi rancangan jangka panjang.